

BAB LIMA

ADAPTASI KELUARGA BANDUAN

Dalam bab ini perbincangan akan dimulakan dengan dua konsep utama berkaitkan dengan kehidupan keluarga banduan iaitu menangani masalah dan adaptasi. Seterusnya, perbincangan berkisar mengenai penyelesaian masalah yang dihadapi oleh keluarga banduan. Kita akan melihat bagaimana isteri dan anak-anak menyelesaikan masalah ekonomi keluarga, pengurusan dan hubungan keluarga. Tidak diketepikan juga persoalan hubungan suami isteri; bagaimana isteri berhadapan dengan dilema dalam dirinya serta cara isteri mengekalkan hubungan dengan suami. Perbincangan dalam bab ini juga akan menyentuh tentang sokongan sosial yang diterima oleh keluarga banduan. Selain itu, kita juga akan mengkaji adaptasi yang dilakukan oleh suami untuk memastikan hubungan mereka sekeluarga itu kekal dan damai.

5.1 MENANGANI MASALAH

Menangani masalah adalah satu proses, bagaimana individu menyelesaikan masalah yang dihadapinya. Ada dua kaedah manusia mengatasi masalah mereka, iaitu dengan menumpukan perhatian kepada masalah yang dialami ("problem-focused coping") dan kedua, memberi perhatian kepada emosi apabila berhadapan dengan masalah ("emotion - focused coping") (Lazarus & Folkman 1984).

Terdapat beberapa kaedah menangani masalah iaitu menangis, menceritakan tentang masalah yang dihadapi, ketawa, memikir kembali perkara yang berlaku, meminta bantuan dan tidur (Coleman & Hammen 1974). Menangani masalah ini juga disebut sebagai ledakan perasaan (Burke & Weir 1980), luahan perasaan (Gilbert & Holahan 1982) dan cara meluahkan rasa marah (Harburg, Blakelock & Rooper 1979).

Lazarus & Folkman (1980) mencadangkan dalam menghadapi suasana ketegangan, seseorang boleh mengambil langkah tertentu untuk mengurang dan seterusnya mengatasi ketegangan tersebut. Pertama melihat masalah yang dihadapi dengan lebih teliti. Kedua, mesti mengawal perasaan yang timbul akibat masalah tersebut. Ketiga mencari maklumat yang lebih tentang masalah yang sedang dialami. Keempat membiarkan sahaja masalah tersebut.

Secara amnya sarjana Barat berpendapat bahawa manusia mempunyai pelbagai cara untuk mengurangkan bebanan masalah dalam kehidupan seharian. Dalam konteks keluarga banduan, isteri akan menggunakan segala keupayaan diri mereka bagi mengatasi masalah mereka. Namun begitu, ada juga isteri yang membiarkan masalah tersebut berlalu begitu sahaja.

5.2 ADAPTASI

Menurut Kamus Dewan (1993) adaptasi bermaksud penyesuaian. Penyesuaian dilakukan supaya seseorang individu itu boleh hidup dalam satu kawasan atau keadaan tertentu. Penyesuaian juga akan dilakukan oleh seseorang apabila berada dalam keadaan tegang. Model Sindrom Adaptasi Umum atau lebih dikenali sebagai *General Adaptation Syndrome (GAS)* (Selye 1975) menegaskan tentang tiga peringkat yang akan dilalui oleh individu apabila melakukan adaptasi. Pertama, tindakan kecemasan (alarm reaction) yang merujuk kepada perubahan fisiologi individu. Kedua, individu menyesuaikan diri sehingga keadaan keseimbangan berlaku. Peringkat ketiga, individu sudah kelesuan kerana tidak lagi mampu menyesuaikan diri dengan masalah yang dihadapi.

Dalam membincangkan adaptasi keluarga, sudah pasti suasana keseimbangan diperlukan bagi mengekalkan struktur dan keharmonian keluarga. Penyesuaian yang dilakukan oleh setiap ahli keluarga akan membolehkan keluarga berada dalam keadaan stabil. Mc Cubbin dan Patterson (1983) telah menggunakan idea Hill (1949) yang terkenal dengan mengemukakan model "*Double ABCX*". Model ini sebenarnya menggambarkan keadaan krisis yang dihadapi oleh keluarga dan bagaimana keluarga tersebut melakukan adaptasi apabila berhadapan dengan krisis.

Menurut mereka lagi, jikalau adaptasi ini berakhir dengan keadaan yang positif ini disebut sebagai ***bonadaptation***. Ini bererti segala usaha penyesuaian yang dilakukan oleh anggota keluarga telah berjaya membentuk keluarga dalam keadaan yang seimbang dan terus berfungsi dalam keadaan yang terkawal sekalipun mereka menghadapi krisis. Tetapi jika berlaku sebaliknya ini dinamakan ***maladaptation***.

Dalam memperkatakan tentang konsep adaptasi atau penyesuaian ini dapatlah dijelaskan bahawa masalah yang dialami dapat diatasi dan akan terbentuk keseimbangan yang akan dilakukan oleh keluarga setelah mengalami krisis. Sehubungan dengan ini, adaptasi melibatkan tiga pihak, pertama ahli keluarga itu sendiri; kedua sistem kekeluargaan dan ketiga kelompak keluarga itu yang terdiri daripada keluarga yang dekat dan jauh. Ini bererti, proses adaptasi ini tidak akan wujud tanpa hubungan timbal balik antara ketiga-tiga pihak ini.

Memang kita sedia maklum bahawa pemisahan isteri/ibu dengan suami/bapa sudah pasti mewujudkan satu keadaan ketidakseimbangan dalam keluarga. Pengambilan tugas sebagai suami/bapa oleh siisteri merupakan satu perkara yang berat kepada yang baru berhadapan dengan masalah tersebut. Kehilangan suami dan bapa akan menyebabkan isteri menjadi *de facto single parent*.

Daripada kajian ini dapat kita mempelajari strategi penyelesaian masalah yang dilakukan oleh keluarga. Pokok persoalan ialah apakah keadah penyelesaian masalah dan pengadaptasian keluarga dapat membantu mereka menghadapi keadaan ketiadaan suami?

5.3 MENANGANI MASALAH SERTA ADAPTASI KELUARGA BANDUAN

Masalah ketiadaan ketua keluarga tidak dapat dielakkan oleh anggota keluarga banduan. Soal mampu atau tidak, cekal atau tidak merupakan perkara yang kedua. Yang penting mereka yang ditinggalkan mesti meneruskan kehidupan sehari-hari. Mereka haruslah menyesuaikan diri dengan keadaan yang mereka alami sekarang. Keperluan ekonomi, fizikal, mental dan rohaniah perlu terus dilaksanakan kerana setiap keluarga mempunyai fungsi ekonomi, pendidikan, penjagaan, kasih sayang, rekreasi dan seksual.

Kehilangan ketua keluarga, amat dirasai oleh isteri dan anak-anak (Burstein 1977; Reiss & Oliveri 1980; Winnicott 1964). Ketiadaan suami menyebabkan isteri mesti mengambil alih peranannya. Namun dalam aspek ini, adakalanya isteri gagal mewujudkan keadaan seperti sebelumnya tetapi ada juga isteri yang mampu membentuk keluarga lebih baik daripada sebelumnya.

Penyesuaian yang dilakukan oleh isteri adalah semata-mata untuk diri dan keluarga yang telah ditinggalkan oleh suami. Masalah yang dihadapi dari segi sosio ekonomi dan dilema diri memerlukan penyelesaian yang rapi dan terbaik. Oleh itu isteri perlu melakukan apa sahaja yang difikir baik dan perlu serta betul untuk diri dan keluarganya. Dalam proses menangani masalah isteri harus berusaha sedaya upaya memastikan diri dan keluarganya seperti keluarga lain, cukup dari segi keperluan asas walaupun dalam serba kekurangan.

Sebagai ketua keluarga, isteri juga terpaksa membuat keputusan demi diri dan keluarganya. Dalam aspek ini pengurusan terhadap penyesuaian keluarga amat penting. Pengurusan dari segi ekonomi, sumber manusia dalam keluarga adalah perkara yang utama (Abu Hassan & Wan Rafeai, 1990). Malahan pengurusan sumber manusia inilah yang bakal menentukan keutuhan keluarga masing-masing.

5.3.1 PENYESUAIAN EKONOMI

Pertama kita lihat penyelesaian kepada masalah ekonomi. Persoalan ini mempunyai hubungan yang erat dengan kewangan dan sara hidup keluarga. Sebanyak 96 buah keluarga banduan menegaskan wang adalah punca utama untuk mereka terus hidup dengan keadaan teratur. Dengan wang, mereka boleh menyara kehidupan sehari-hari, mengembirakan anak-anak supaya tidak terasa susah sepanjang ketiadaan tiada bapa

dan juga berupaya melawat serta membeli barang keperluan suami di penjara.

Kedudukan ekonomi yang teguh sudah pasti mengizinkan keluarga menangani masalah dengan lebih yakin dan tabah. Tetapi jika keadaan kewangan pincang, sudah pasti akan mewujudkan ketegangan di dalam keluarga (Acock & Kiecolt 1989:556; Rook, Dooky & Catalene 1991).

Keluarga harmoni dan renggang mempunyai cara tersendiri untuk mengatasi masalah sara hidup yang mereka alami misalnya isteri mencari pekerjaan yang sesuai bagi diri mereka (Sila Lihat Jadual 5.1). Pendapatan dan pekerjaan yang tetap sekurang-kurangnya dapat mengurangkan tekanan ekonomi keluarga banduan.

Jadual 5.1: Jenis Pekerjaan Isteri Setelah Suami DiPenjarakan

Jenis Pekerjaan	Keluarga Harmoni (N=39)		Keluarga Renggang (N=57)	
	Bil.	%	Bil.	%
Pengurus Butik	-	-	1	1.7
Kerja Kilang	14	36.0	9	15.8
Kerja Estet	2	5.1	7	12.3
Berniaga	-	-	8	14.0
Kerja Hotel	3	7.7	7	12.3
Kerja Pejabat	4	10.2	2	3.5
Pembantu Rumah	3	7.7	3	5.3
Juru Jual	2	5.1	3	5.3
Suri Rumah	11	28.2	17	29.8
Jumlah	39	100.0	57	100.0

i. Keluarga harmoni

Untuk menangani masalah sara hidup, sebanyak 63.6% daripada 11 suri rumahtangga telah mencari pekerjaan yang sesuai untuk diri mereka. Sejumlah 45.4% isteri yang dahulunya hidup dalam kemewahan juga menyedari tentang mereka perlu berusaha menyara keluarga masing-masing. Seramai 4 orang isteri bekerja kilang, 2 orang bekerja sebagai juru jual, seorang bekerja sebagai pembantu rumah.

Sementara 4 orang isteri lagi tidak bekerja iaitu seorang isteri yang tinggal dengan mertua dan 2 orang yang bersama ibu bapa masing-masing tidak menghadapi masalah kewangan kerana seluruh perbelanjaan ditanggung oleh keluarga. Seorang isteri lagi masih meneruskan sikap borosnya.

Sejumlah 21.4% orang isteri bekerja menghadapi masalah sara hidup telah bertindak, mencari pekerjaan yang lebih menjamin. Seramai 2 orang isteri menukar pekerjaan mereka dari kerja estet ke kilang. Manakala 2 orang lagi melakukan kerja sampingan iaitu mengambil upah membasuh pakaian dan mengosok pakaian di rumah orang. Sementara seorang lagi melakukan kerja sambilan di rumah iaitu membuat kotak untuk kilang yang berhampiran dengan rumahnya. Walau bagaimanapun ada seorang isteri telah meminta bantuan kewangan daripada bapanya untuk menyelesaikan hutang suaminya.

ii. Keluarga renggang

Dalam menghadapi kesengsaraan hidup sebagai ibu tunggal yang bekerja, 55.1% isteri terpaksa memikirkan jalan penyesuaian yang terbaik untuk mengatasi masalah kewangan dan pekerjaan mereka. Antaranya, 2 orang isteri telah menukar corak pekerjaannya iaitu dari bekerja di hotel ke kerja kilang. Mereka menjelaskan bahawa bekerja di kilang lebih selamat dan selesa daripada bekerja di hotel. Seorang isteri yang bekerja sebagai pengurus butik di sebuah gedung membeli belah terkenal terpaksa berhenti dan bekerja di tempat lain ini disebabkan pengurus besarnya takut nama baik gedung itu tercemar akibat perbuatan suaminya.

Manakala 68.7% isteri terpaksa melakukan kerja sambilan kerana pendapatan yang mereka perolehi tidak mencukupi untuk menyara keluarga. Ini jelas di kalangan keluarga yang mempunyai tanggungan yang ramai. Isteri yang mempunyai anak terpaksa mencari wang kerana anak-anak perlu disekolahkan. Begitu juga dengan keperluan makanan, pakaian dan tempat tinggal. Perkara yang disebutkan ini memerlukan perbelanjaan yang banyak. Antara pekerjaan sambilan yang menjadi pilihan kepada isteri ini ialah tukang sapu, pembantu rumah dan bermiaga secara kecil-kecilan.

Sebilangan 50.0% isteri yang bekerja kilang telah bekerja lebih masa bagi menampung kehidupan sekeluarga. 2 orang pembantu rumah telah bekerja di dua buah rumah bagi menambah pendapatan mereka. Seorang daripada 6 orang isteri yang bekerja di pejabat menjalankan perniagaan terus menerus dengan syarikat Cosway, untuk menambah pendapatan bulanannya. Beliau menjelaskan hasil penjualan tersebut telah membolehkan dia membayar sewa rumah setiap bulan sebanyak RM300.

" Sebaik sahaja suami saya masuk penjara untuk reman di Pudu, saya bekerja sebagai pembantu rumah di Ampang. Rumah pegawai Risma. Petang saya kerja di rumah Cik Gu yang tak jauh dari rumah saya. Saya kerja kerana nak cari duit dan menghilangkan rasa bosan. Ada anak, anak mati, ada suami masuk penjara."

(Kenyataan Isteri Responden NO.3059/92)

" Pagi kakak bawa bas sekolah, ipar kakak punya, lepas tu berniaga nasi ayam di sini, tengahari bawa bas lagi, petang jual kuih, malam jual mee dan lain-lain makanan ringgan. Duit banyak tapi nak buat apa anak kakak sekarang di penjara Taiping. Kakak cari duit banyak kerana nak puaskan hati dan hilangkan rasa kecewa dengan sikap suami akak. "

(Kenyataan Isteri Responden NO.649/91)

Secara keseluruhannya, 70.2% isteri dalam keluarga renggang mempunyai pekerjaan, sementara 29.8% lagi menjadi suri rumahtangga. Dalam konteks keluarga renggang, sejumlah 39.3% suri rumahtangga telah mencari pekerjaan untuk mengurangkan bebanan ekonomi keluarga masing-masing.

Pekerjaan yang menjadi pilihan 11 orang isteri ialah kerja kilang, kerja estet, kerja hotel, pembantu rumah dan juru jual.

Sementara 29.8% isteri yang tidak bekerja ini mempunyai penyelesaian tersendiri dalam persoalan kewangan ini (Becker, Landes & Michael 1977). Seramai 29.4% orang isteri yang mempunyai pendapatan daripada kutipan wang daripada rumah sewa yang mereka dimiliki. Keadaan ini dapat meringankan beban isteri dan anak-anak. Selain itu, 12.5% orang isteri dibantu oleh anak-anak yang sudah bekerja. Dua keluarga bergantung kepada dua orang anak yang masih belajar di tingkatan empat.

" Suami saya seorang penagih dadah. Saya beranak kecil tambahan pula saya sakit pula. Kami ada empat orang anak. Oleh kerana susah, anak saya bekerja selepas waktu sekolah. Anak saya bekerja di pengkalan. Kerjanya dibayar RM10 sehari. Dia kerja dari jam 7 malam hingga 10 malam. Hasil gaji kami buat belanja...Saya kasihan tengok anak saya tu....

(Rintihan isteri responden No 2493/92)

" Saya surirumah, saya ambil upah menjahit waktu siang, waktu malam anak saya menyambung wayar kepada mentol. Satu papan dibayar empat sen. Ini kerja daripada kilang lampu. Tapi taukeh kilang tu hantar ke rumah. Anak saya kuat kerja untuk bantu saya....

(Keluhan isteri responden NO 5361/90)

Sementara itu, 6 orang isteri yang sebelum ini tinggal di rumah sewa kini pulang ke pangkuan keluarga sementara menunggu suami bebas dari tahanan penjara. Mereka tidak perlu bekerja kerana ibu bapa mereka menanggung segala keperluan diri mereka bersama anak-anak.

Dalam pada itu juga, dua orang isteri yang tidak mahu bekerja sebaliknya mengharapkan bantuan daripada mertua dan jiran. Mereka bersedih, putus asa dan berserah kepada takdir. Keadaan sebegini menyebabkan keluarga terdedah kepada gangguan jiran tetangga yang tidak senang dengan keluarga banduan.

Dari satu aspek lagi, terdapat seorang isteri dalam kategori suri rumahtangga sepenuh masa telah bekerja di sebuah kelab malam di ibu kota sebagai pelayan sambilan. Menurutnya, bekerja secara sambilan kerana mencari wang dan mengurangkan rasa bosan kerana suami di penjara. Dia bekerja, apabila pengurus kelab itu memerlukan lebih pekerja. Ini bukan bererti isteri cuba melakukan perbuatan curang atau sumbang terhadap suaminya sebaliknya isteri merasakan inilah kerja yang mampu dia lakukan dan bersesuaian dengan jiwanya. Isteri ini kini telah disingkir oleh mertuanya yang tidak lagi mengakunya sebagai menantu.

" Saya bekerja di kelab malam itu sebagai cara menghilangkan rasa bosan saya. Di samping itu pendapatannya lumayan. Saya tidak nafikan saya juga melayan tetamu yang datang dan saya akan dapat hasilnya. Perasaan dan hati saya gembira dengan cara itu. Tunggu dia balik entah bila. Jika dia balikpun, buat apa jijik saya dengan dia asyik menagih dadah dan minum arak. "

Secara amnya, pendekatan yang digunakan oleh isteri untuk menangani masalah ekonomi dalam keluarga sama ada keluarga renggang dan harmoni adalah sama. Nampaknya dari segi menangani masalah ekonomi, ada isteri banduan mencapai tahap *bonadaptation* (Mc Cubbin & Patterson 1983). Mencari pekerjaan, meminta bantuan daripada orang terdekat dan dikenali, berusaha sedaya upaya menyelesaikan masalah mereka dengan sendiri adalah corak adaptasi yang mereka lakukan. Isteri selaku ibu tunggal terpaksa berani dan cekal untuk meneruskan kehidupan mereka sekeluarga (Kissman, & Allen 1993). Suami isteri yang sentiasa beringat sebelum berlaku sesuatu kepada keluarga sudah pasti mampu mengendalikan persoalan kewangan keluarga dengan mudah.

5.3.2 PENYESUAIAN TEMPAT KEDIAMAN

Tempat kediaman adalah satu perkara yang penting kepada keluarga banduan. Tanpa suami, isteri akan menentukan sama ada dia dan anak akan terus tinggal di tempat lama ataupun berpindah ke tempat lain. Isteri akan berpindah apabila tidak tahan dengan cemuhan jiran, mertua, ibu bapa sendiri, dan tidak mampu membayar sewa rumah. Di

samping itu, persefahaman antara mertua, ibu bapa dengan menantu dan anak juga membolehkan isteri banduan mengekalkan kediaman mereka sepanjang ketiadaan suami (Thompson & Ensminger 1989: 717; Gerald 1973).

i. Keluarga harmoni

Dalam konteks tempat tinggal keluarga harmoni, sejumlah 10 orang isteri yang menghadapi masalah membayar sewa rumah. 30.0% daripada mereka telah berpindah ke rumah sewa yang baru secara senyap. Sementara, 50.0% isteri telah pulang ke pangkuhan keluarga, hanya 2 orang isteri sahaja yang berusaha menjelaskan sewa rumah mereka setiap bulan dengan pendapatan yang mereka perolehi.

3 orang isteri yang tinggal secara matrilokal dan mempunyai masalah, telah berpindah ke tempat baru. Dua orang daripada mereka menyewa rumah dan tinggal bersama anak-anaknya. Sementara, seorang lagi tinggal di rumah sewa bersama kawan-kawan. Dalam pada itu, 2 orang isteri yang menghadapi masalah dengan mertua telah pulang ke pangkuhan keluarga masing-masing.

5 orang isteri yang sering diganggu oleh jiran telah mengambil langkah berpindah ke tempat baru. 3 buah keluarga terus tinggal di tempat yang sama, 2 keluarga lagi berpindah ke tempat baru. Seorang daripadanya tinggal bersama abangnya di Shah Alam.

ii. Keluarga renggang

Keluarga renggang yang berhadapan dengan tekanan daripada mertua dan ibu bapa telah mengambil keputusan hidup sendiri di tempat yang baru, jauh daripada keluarga. Dua orang menantu perempuan yang disuruh berpindah telah berpindah ke tempat baru. Namun begitu, salah seorang daripada mereka telah kehilangan anak kerana ibu mertuanya telah merampas kedua-dua anaknya. Sekarang dia tinggal bersama kawan-kawannya dan menurut isteri ini, dia sedang menguruskan perceraian kerana tidak tahan lagi tinggal berseorangan tambahan pula dia sudah mempunyai teman lelaki. Bila ditanya tentang anak, beliau memberitahu bahawa, dia tidak akan bertindak mengambil kembali anak tersebut kerana dia sendiri tidak mampu memeliharanya.

Apabila suami dipenjarakan dua daripada tiga orang isteri yang tinggal dengan ibu bapa sendiri terpaksa berpindah ke tempat yang baru kerana ibu bapa mereka enggan menerima mereka lagi. Isteri dikatakan membawa aib kepada keluarga sendiri.

Selain itu, isteri juga menghadapi masalah dengan tuan rumah sewa mereka. Hanya 73.5% berjaya menyelesaikan masalah ini dengan berjimat cermat dengan pendapatan yang mereka perolehi setiap bulan. Manakala, 8.8% isteri telah lari dari rumah sewa masing-masing.

Sementara, 17.6% isteri yang gagal membayar sewa rumah telah pulang ke pangkuhan keluarga kerana merasakan ibu bapa sendiri lebih memahami keadaan mereka. Di samping itu, merasakan lebih selamat dan terjamin daripada tinggal bersendirian atau tinggal bersama mertua.

Namun begitu, tiga orang isteri amat berasib baik kerana mendapat layanan yang baik daripada mertua dan ipar. Sokongan moral dan material yang diberi oleh keluarga sebelah suami begitu bernilai untuk keluarga banduan. Mertua masing-masing tidak memperdulikan tentang hubungan renggang antara menantu dan anak lelaki mereka. Sebaliknya merasakan suasana gawat yang dialami oleh menantu dan cucu mereka perlu diambil berat oleh mertua. Mereka perlu bertanggungjawab menjaga cucu dan menantu masing-masing. Kewujudan hubungan kekeluargaan yang erat dan memberi sokongan moral sebegini rupa memang dinantikan oleh keluarga yang bermasalah (Carlson 1992; Galvin & Brommel 1982; Mc Ghee 1984; Stack 1974).

"Semasa saya kahwin dengan suami saya saya baru berumur 17 tahun. Sejak kecil saya tinggal dengan nenek saya. Mak dan ayah tinggalkan saya. Semasa kahwin nenek yang uruskan. Saya tak kenal Mak saya. Bila kahwin saya tinggal dengan mertua saya. Dia baik sangat. jaga saya seperti anaknya sendiri..."

(Kisah isteri responden NO. 23092/92)

"Saya bersyukur mempunyai mertua yang begitu baik dengan saya. Suami saya dah empat kali masuk penjara. Kali ini paling lama. Mertua saya tidak benarkan saya balik ke kampung kerana mereka hendak menyara saya dan anak-anak. Saya berniaga dengan mertua saya. Saya diberi gaji antara lima hingga sepuluh ringgit sehari. Ikut jualan. Wang ini saya buat belanja anak-anak saya. Anak saya mereka jaga dengan baik. Bapa mertua saya ambil berat tentang hidup saya. Dia kata, yang dalam penjara tu biarlah, jaga anak-anak supaya tak jadi macam bapanya..."

(Kisah isteri responden NO. 7713/92)

"Suami saya sudah sembilan kali masuk penjara. Ini yang paling lama. Kami sepupu. Mak Mertua saya adalah Mak Saudara saya. Saya senang tinggal di sini bersama mertua saya. Dia baik begitu juga dengan ipar-ipar saya. Ipar saya belikan susu dan pakaian untuk anak saya. Saya tinggal di rumah membantunya buat kerja rumah. Malu juga saya bergantung dengannya, tetapi apakah dayanya, saya menempa perkahwinan ini, oleh itu saya akan terimalah keadaan ini..."

(Kisah isteri responden NO. 1765/91)

5.3.3 PENYESUAIAN PENGURUSAN ANAK-ANAK

Menurut Friedman & Esselstyn (1965), dan Sack, Seidler & Thomas (1977) anak-anak banduan menunjukkan perubahan tingkahlaku dalam kehidupan sehari-hari semasa bapa mereka dipenjarakan. Apabila bapa tiada, anak akan menjadi degil. Ada juga anak yang melawan ibu dan tidak mahu bersekolah (Belle 1982; Brown, Brochaine & Harris 1975; Mose & Plewis 1977; Richman 1976).

Dalam menangani masalah dengan anak-anak semasa ketiadaan bapa bukanlah satu perkara yang mudah. Jiwa anak-anak yang bernasib sebegini adalah sensitif dan tertekan (Friedman & Esselstyn 1965; Gabel 1992; Nelson, Edwards & Landsman 1993:661-670; Crowell & Feldman 1988: 1273-1293). Sekarang isteri selaku ibu terpaksa menanggung segala urusan persekolahan, mendidik dan mendisiplinkan anak-anaknya serta tempat anak-anak bermanja.

i. Keluarga harmoni

Masalah mengurus anak-anak telah menyebabkan 13.3% daripada 15 orang isteri telah menghantar anak masing-masing kepada orang tua di kampung sementara mereka mencari rezeki di bandar. Mereka mengirimkan wang untuk ibu bapa mereka dan akan melawat anak di kampung pada setiap bulan.

Di samping itu, bantuan daripada adik ipar dan jiran terpaksa dilakukan oleh isteri kerana mereka perlu keluar bekerja. Sejumlah 8.1% orang isteri meminta adik ipar mereka tinggal bersama dan mengasuh anak-anak mereka. Sementara, 32.4% isteri menempatkan mereka ke rumah jiran sewaktu mereka bekerja.

Dalam aspek menyekolahkan anak-anak, ada ibu yang mengambil berat tentang pelajaran anak-anak. Mereka memastikan anak mereka dapat belajar dengan baik sekalipun

bapa kepada anak-anak berada di penjara. Mereka tidak mahu anak mereka mengikut jejak langkah menjadi penjenayah.

"Pelajaran anak kakak merosot kakak pergi sekolah, jumpa guru dia. Kakak beritahu suami kakak di penjara, anak kakak susah hati. Memang pelajarannya menurun betul. Merah sahaja report kad dia dua beradik."

(Keterangan isteri responden NO.1982/92)

Sejumlah 27.0% isteri, mengajar anak sendiri di waktu lapang serta dibantu oleh anggota keluarga yang lain, misalnya bapa atau emak saudara masing-masing. Ini amat ketara bagi keluarga yang tinggal bersama ibu bapa atau mertua masing-masing. Selain itu, 27.0% orang isteri lagi yang berkemampuan telah menghantar anak-anak yang masih bersekolah ke pusat tuisyen.

Semasa suami/bapa khususnya bagi keluarga yang berada masih bebas, sudah tentu isteri dan anak dapat bercuti ataupun melakukan aktiviti rekreasi bersama-sama. Tetapi kini, semua sudah berubah. Isteri tidak berupaya meluangkan masa untuk melakukan aktiviti rekreasi bersama anak-anak. Dalam konteks keluarga harmoni, 62.1% ibu yang menyekat aktiviti ini, kerana mereka tidak mampu melaksanakannya. Mereka tidak lagi membawa anak mereka pergi membeli belah di bandar, bercuti di kampung, melawat mertua atau kaum kerabatnya sendiri dan berjalan-jalan di

bandar. Antara keengganan ini ialah masalah kewangan, kesuntukan masa dan letih kerana bekerja.

Di kalangan isteri yang berkemampuan mereka akan membawa anak-anak melakukan aktiviti riadah dan bercuti atau membeli belah di hujung minggu. Misalnya berjogging di taman rekreasi dan sekitar rumah. Ini semata-mata untuk memupuk rasa kemesraan dan kasih sayang kepada anak-anak. Menurut isteri banduan NO 4958/91,

"Saya bawa anak saya berjalan-jalan sebulan sekali. Tapi mereka lebih suka duduk di rumah dengan nenek mereka. Adik lelaki saya selalu bawa mereka jalan-jalan, pergi shopping dan tengok wayang. Anak-anak saya tidak begitu sunyi dengan ketiadaan bapanya. Hubungan saya dengan anak amat baik, sangat mesra. Kalau mereka tiada saya amat sunyi. Saya tak bawa mereka melawat bapanya di penjara sebab bapanya tak bagi...kecuali hari Deepavali sebab dia tak tahan tengok anak-anaknya...."

"I bawa anak I tiga orang tu pergi window shopping every two weeks. Pergi bercuti di tempat-tempat yang I afford dalam tiga atau empat bulan sekali. I tak kisah sangat dengan ketiadaan suami I, apa nak buat lagi sudah takdir, kita buat, kita terimalah balasannya. I selalu nasihat anak-anak I jangan takut dengan cerita orang, yang salah tetap salah. I lebih suka dedahkan anak-anak I dengan akademik. I selalu cakap dengan mereka pelajaran yang bagus akan menutup segala-galanya, rupa cantik tetapi kalau dungu tak guna. I hantar anak I tuisyen dan kelas muzik...biar dia belajar...susah tak apa asal I bahagia dan mereka gembira...."

(Keterangan isteri banduan NO.2316/90)

Selain itu, anak-anak ini dibenarkan mengikut rombongan sekolah untuk melawat ke mana-mana sahaja. Ibu juga membenarkan anak-anak untuk melakukan aktiviti

sendiri. Ada ibu yang menghantar anaknya ke kelas muzik, tarian, renang dan komputer.

" My daughter and son already big, I send them to music and computer class. I have enough money to make them happy, much happier than before. My husband always pukul my son. He is drug addict. Sekarang dia di penjara kita senang hati...I will make sure my kids have good future....I mesti bagi mereka belajar dengan baik walaupun bapa mereka tidak ada..."
(Keterangan isteri responden NO.2011/91)

ii. Keluarga renggang

Dalam menghadapi masalah menguruskan anak-anak dari segi persekolahan, sebanyak 24.1% isteri bertindak tidak menyekolahkan anak mereka dengan alasan yang sama iaitu tidak mampu (Furstenberg & Teitler 1994). Mereka merasakan kemiskinan yang menghimpit mereka sekeluarga akan berkurangan jika anak-anak tidak disekolahkan sementara menunggu suami mereka dibebaskan dari penjara.

Manakala 81.5% isteri bertindak untuk menyelesaikan masalah anak dengan cara masing-masing. Tiga orang isteri menghantar anak ke kampung mereka. Seorang isteri menyerahkan anak kepada mertua. 6 daripada 10 orang isteri meninggalkan anak dengan jiran mereka. 2 orang isteri menempatkan anak dengan pengasuh dan 2 orang meminta saudara terdekat menjaga anak semasa mereka pergi bekerja. Sementara 8 orang isteri yang tinggal dengan keluarga masing-masing tidak menghadapi masalah mengurus anak.

Sikap isteri yang sering memukul anak mereka, kerana marahkan suami, menjelaskan bahawa mengawal anak lelaki adalah lebih sukar daripada anak perempuan. Oleh itu, khususnya anak-anak lelaki mesti dilentur di peringkat awal supaya tidak menjadi seperti bapa mereka. Selain itu, isteri berharap dengan cara ini anak-anak lelaki lebih takut kepada mereka apabila bapa di penjara.

Ada isteri mengambil langkah lepas tangan dan tidak memperdulikan anak mereka. Menurut seorang isteri, ia membiarkan anaknya kerana kecewa dengan sikap suami. Kini anaknya menjadi penagih dadah mengikut teladan daripada bapa. Akhirnya anak di penjara Taiping, bapa di penjara Pusat Selangor.

Di samping itu, dua orang isteri yang bertindak membiarkan anak begitu sahaja. Makan, minum, pakai dan sekolah anak-anak dibiar begitu sahaja. Kedua-dua orang isteri bersikap seolah-olah mereka bukan lagi seorang ibu. Perasaan benci, marah, kecewa kepada suami telah dilemparkan kepada anak-anak. Gerak balas yang ditunjukkan mereka apabila ditanya tentang anak-anak membayangkan bahawa seolah-olah anak mereka sudah tiada lagi dalam fikiran mereka. Dalam keadaan ini, anak-anak amat bergantung kepada ehsan jiran tetangga dan keluarga terdekat untuk menjaga dan mengawasi anak-anak tersebut.

Maklumat mengenai kisah isteri banduan NO. 4783/90, didapati daripada jiran kepada isteri banduan. Isteri banduan ini tidak menceritakan tentang kewujudan anak-anaknya. Mereka seolah-olah sudah mati dalam fikirannya. Gangguan emosi yang dialami mendatangkan kesan kepada anak-anak yang memerlukan kasih sayang ibunya.

KISAH PERTAMA

"Sekarang mak budak-budak tu dah pergi ke Kampung Batu Laut. Selepas bersalin di hospital, balik ke rumah kakaknya di hospital. Tak tahu lah apa nak jadi dengan keluarga mereka tu. Anak-anak dia lima orang. Tiga sekolah, satu kerja, yang sulung dah kahwin. Yang kerja tulah jaga adik-adiknya. Dia kerja jaga kantin. Adik-adiknya makan waktu malam sahaja. Waktu siang tak makanlah. Pergi sekolah ikut rasalah. Rasa nak pergi, pergi rasa tak nak pergi tak pergila. Bila tengahari datanglah budak-budak tu ke rumah makcik. Apa yang ada mereka makan. Rajin budak budak tu. Mereka mengaji Mukaddam di sini. Anak dia yang darjah dua selalu kata kat Mak Cik, malam kami kaya, siang kami miskin. Mak diapun satu hal dah tahu suami kat dalam mengapalah pergi buat hal dengan jantan lain sampai bunting. Dahlah tipu kita kata, hantu yang buat. Dia cakap dengan anak-anaknya dia sakit dalam perut sebab tu perut dia besar. Yang Makcik hairan tu, tergamak dia tinggalkan anaknya yang masih kecil...."

Kedua, isteri banduan NO. 2361/90. Kisah kedua hasil temubual dengan anak banduan.

KISAH KEDUA

"Mak kata dia sakit dalam perut, dia kena masuk hospital di Klang. Saya tahu mak selalu balik lambat dan berkawan dengan seorang lelaki. lelaki tu nampak jahat, tapi mak kata dia baik. Bila mak kami masuk hospital kami lari balik rumah Tok. Saya hantar dua orang adik saya dulu, lepas tu saya tengok mak di hospital. lepas tu sya balik seorang diri ke Kuala Selangor naik bas dari Klang. Balik dan tak akan balik lagi ke rumah mak di Klang. Say nak tunggu ayah balik. Ayah baik, mak yang jahat."

Dalam aspek pendidikan anak-anak, terdapat seorang isteri yang begitu mengambil berat tentang pelajaran anaknya. Dia pergi berjumpa dengan guru untuk memberitahu keadaan sebenar dan meminta guru membantu anaknya.

"Anak kakak beritahu dia malu ada bapa yang menjadi penagh dadah. Dia sedih sangat dengan keadaan bapanya. Cik Gu minta saya datang ke sekolah dan Cik Gu beritahu anak saya yang lelaki sudah berubah perangai daripada seorang pendiam menjadi pengacau dalam kelas, selalu berangan dan pelajaran semakin merosot. Saya tidak terkejut kerana anak saya sudah memberitahu perasaannya apabila suami saya masuk penjara untuk kali keempat. Apa nak saya katakan, kami sama menangis dengan keadaan ini. Tapi saya nasihatkan dia supaya sabar dan berdoa kepada Allah supaya bapa berubah".

(Kenyataan isteri responden NO.6493/90)

Masa persekolahan anak-anak terpaksa dikorbankan akibat bapa masuk penjara. Seramai 4 daripada 25 orang isteri yang mempunyai anak yang bersekolah telah menyerahkan tugas seperti memasak, menjaga adik-adik dan

mengemas rumah, kepada anak-anak yang dirasakan mampu melakukan tugas tersebut. Mereka terpaksa melakukan sedemikian kerana perlu bekerja mencari nafkah untuk anak-anak. Didapati, mereka mengatur jadual khusus kepada anak-anak. Anak yang bersekolah dan akan menduduki peperiksaan akan pergi ke sekolah seperti biasa, manakala anak yang bersekolah tetapi tidak menduduki peperiksaan, akan mengambil giliran ke sekolah. Kerja rumah dibahagikan sama rata di antara anak-anak. Dalam konteks 4 keluarga ini, anak yang berusia 6 tahun sudah memikul tanggungjawab untuk mengurus keluarga kerana ibu mereka bekerja.

Dalam aspek hubungan antara anak dan ibu, keluarga yang mengalami kehidupan ibarat, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang menyebabkan isteri tidak berupaya memberi kemewahan kepada anak-anak.

*"Kakak tidak mampu untuk bawa budak-budak ini berjalan-jalan, pergi makan angin....duit nak makanpun tak cukup, dahlah tu jika seorang dua tak apalah, tapi kita ada enam campur kakak tujuh. Lebih baik duit buat belanja sekolah dan dapur. Tunggulah bapa dia orang keluar.
Bolehlah berjalan-jalan macam dulu...."*
(Kisah isteri responden NO.9709/91)

Ada isteri lebih berminat untuk meluangkan masa dan melayan anak-anak bermain di rumah. Anak-anak dibenarkan berkawan dengan rakan-rakan sekitar tempat tinggal.

"Dulu anak-anak sibuk nak balik ke Langat. Duduk di sini tak seronok. Mereka nak berjalan sana sini sebab masa suami saya ada, mereka selalu dibawa berjalan, jalan dengan Wan tak seronok, jalan dengan ayah seronok. Lama-lama mereka makin manja dengan Wan mereka. Orang tua tu bawa mereka pergi sana sini. Pergi pekan, pergi kebun, pergi sawah. Buatkan wau. Ayah mereka pun mereka dah lupa, jarang tanya pasal ayah mereka lagi. Saya senang hati tengok mereka gembira. Saya tak bawa mereka berjalan. Saya malu segan dan takut orang kampung tanya mana suami saya....oleh itu saya duduk dalam rumah sahaja..."

(Keterangan isteri responden NO.1134/91)

Dalam konteks pengurusan anak-anak, didapati ada isteri yang berjaya melakukan penyesuaian terhadap suasana tertekan sepanjang ketiadaan suami. Namun begitu sokongan moral yang diterima oleh ibu bapa, jiran dan ipar duai menjadikan isteri ini berupaya meneruskan tanggungjawab mereka sebagai ibu kepada anak masing-masing.

Sementara ada ibu yang terpaksa menghadapi suasana *maladaptation* akibat ketiadaan suami serta merasakan tanggungjawab menguruskan anak-anak itu satu bebanan. Menjadi *de facto single parents* adalah perkara yang dirasakan menukarkan kehidupan mereka. Oleh itu anak dijadikan satu cara untuk melepas geram terhadap suami yang kini di penjara (Katzev, Warner & Acock 1994; Rossman & Rosenberg 1992).

5.3.3.1 KEDUDUKAN BAPA KEPADA ANAK-ANAK

Apabila suami dikenakan hukuman penjara, keluarga akan merasa malu dan tertekan (Homer 1979) Perasaan malu yang dialami oleh isteri akan berjangkit kepada anak-anak. Oleh itu, ibu yang merahsiakan keadaan sebenar daripada pengetahuan anak-anak sentiasa berada dalam keadaan bimbang dan cemas. Mereka tidak berani memberitahu kedudukan sebenar kepada anak. Oleh itu ada pihak lain yang akan memberitahunya. Adakalanya, anak-anak yang besar dan sudah bersekolah tidak perlu diberitahu tentang apa yang terjadi kepada bapa mereka. Mereka mengetahui dengan sendiri. Jadual 5.2 menunjukkan orang yang menyampaikan berita tentang kedudukan bapa kepada anak-anak dalam keluarga harmoni dan renggang.

Jadual 5.2: Pihak Yang Memberitahu Anak Tentang Kedudukan Bapa Masing-Masing

Pihak	Keluarga Harmoni (N=37)		Keluarga Renggang (N=50)	
	Bil	%	Bil	%
Isteri	8	21.7	10	20.0
Mertua	3	8.1	8	16.0
Ibu bapa	3	8.1	9	18.0
Saudara mara	4	10.8	3	6.0
Jiran	2	5.4	2	4.0
Tahu Sendiri	14	37.8	11	22.0
Tidak Tahu	3	8.1	7	14.0
Jumlah	37	100.0	50	100.0

5.3.4 PENYESUAIAN TERHADAP MASALAH HUBUNGAN ISTERI DENGAN KELUARGA SENDIRI DAN SEBELAH SUAMI

Hubungan kekeluargaan adalah satu aspek yang penting dalam kehidupan kita. Jalinan kekeluargaan yang mesra dapat membantu dan mengurangkan ketegangan dan masalah dalam sesebuah keluarga (Blake 1975; Jarrett 1994; Hinde 1979; Namun begitu, tidak dapat dinafikan kadangkala ada anggota keluarga dapat mengganggu gugatkan kedudukan keluarga. Jalinan sokongan kekeluargaan yang diamalkan telah membantu institusi keluarga mengadaptasikan diri mereka dengan sesuatu keadaan (Allan 1985; Saxton 1972). Wujudnya sokongan daripada ibu bapa, mertua, kawan, ipar duai, jiran dan badan kerajaan sedikit sebanyak dapat membantu isteri banduan mengendalikan kehidupan mereka sebagai ibu tunggal sementara menunggu suami dibebaskan.

i. Keluarga Harmoni

Dalam aspek penyesuaian isteri dalam mengendalikan masalah dengan keluarga khususnya ibu bapa dan mertua, keluarga harmoni melakukan cara tertentu bagi mempertahankan keharmonian yang ada. Isteri yang mendapat layan baik dan mesra telah menunjukkan taat setia mereka kepada suami dan menghormati mertua masing-masing. Isteri melakukan ini semua tanpa rasa terpaksa. Malahan mereka bersyukur kerana mendapat mertua yang bertimbang rasa.

Keadaan yang sama dialami oleh 30.8% isteri yang mempunyai anggota keluarga yang memahami keadaan mereka. Sokongan moral yang diberi membuatkan isteri bersemangat untuk menghadapi tekanan akibat ketiadaan suami.

Namun begitu, keadaan yang sebaliknya dialami oleh 69.2% isteri yang mempunyai hubungan harmoni dengan suami. Dalam keadaan yang tertekan dan ketegangan yang dialami oleh isteri banduan, mereka terpaksa meneruskan kehidupan tanpa sokongan daripada anggota keluarga. Tetapi dalam pada itu, terdapat juga isteri yang tidak putus asa dengan keadaan kerenggangan dan ketegangan yang wujud akibat suami dipenjarakan. Isteri merasakan mereka perlu berusaha mengekalkan keharmonian dalam keluarga demi kebahagiaan bersama. Antaranya, 29.6% (8) isteri menziarah ibu bapa dan mertua dan 59.2% mengutus surat kepada mertua dan orang tua masing-masing.

Sementara 11.1% isteri yang mengalami masalah dengan mertua bertindak membiarkan sahaja keadaan yang berlaku. Mereka berpendapat adalah lebih baik mereka hidup bersama anak-anak tanpa melibatkan mertua mereka. Dua daripada mereka yang telah dihantar pulang ke rumah ibu bapa masing-masing meneruskan kehidupan seperti biasa bersama orang tua mereka. Mereka merasakan kehidupan lebih tenang bila berada di rumah orang tua sendiri daripada berada di rumah mertua.

ii. Keluarga Renggang

Dalam aspek ini, didapati 63.1% isteri menghadapi masalah dalam hubungan keluarga apabila suami mereka dijatuhkan hukuman penjara. Hubungan yang renggang antara isteri dan mertua, serta ibu bapa sendiri membuatkan para isteri terpaksa menjalani kehidupan sehari-hari bersendirian.

Isteri yang sememangnya mempunyai hubungan renggang dengan mertua dan ibu bapa, selalunya membiarkan keadaan seperti yang ada. Apa yang penting bagi isteri, ialah mereka mempunyai tanggungan yang lebih utama yang memerlukan perhatian iaitu anak-anaknya. Isteri yang tidak mempunyai hubungan baik dengan anggota keluarga yang terdekat, rakan sekerja menjadi penganti ibu bapa dan tempat mereka mengadu hal. Seramai 15 orang isteri termasuk dalam kategori ini. Mereka telah berusaha mengendalikan hidup mereka secara bersendirian dengan berdiri di atas kaki sendiri bagi memastikan keadaan diri dan keluarga mereka terurus.

Menurut Pengawai Kebajikan Penjara yang ditemui, ada isteri banduan nampaknya lebih berminat untuk mencari pelindungan dan bantuan daripada Jabatan Kebajikan. Tetapi dalam kajian ini hanya 3 orang isteri sahaja yang mengaku meminta bantuan daripada Jabatan Kebajikan. Dalam keadaan ini, pihak kebajikan akan bertindak sebagai kaunselor

memulihkan semangat dan membuka jalan dan arah kepada isteri untuk berusaha memulihkan diri khususnya dari segi pendapatan. Sumbangan RM50 sebulan yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan kepada mereka sememangnya tidak mencukupi. Oleh itu, isteri perlulah bekerja keras untuk memulihkan keadaan dirinya.

Dalam aspek hubungan kekeluargaan, isteri yang merasakan serak berai yang terjadi dalam keluarga nuklearnya adalah perkara yang tidak seharusnya dijadikan penghalang kepada meneruskan hubungan dengan kaum keluarganya. Isteri yang mengalami tegangan dengan ibu bapa dan mertua akan mengambil jalan yang mudah dalam menangani masalah hubungan dengan tersebut. Mereka tidak merasakan suasana buntu jika pihak tersebut mengenepikan mereka dan anak-anak. Persoalan utama yang difikirkan oleh isteri ialah berjuang untuk terus hidup tanpa bergantung harapan kepada ibu bapa dan mertua.

Sementara isteri yang mempunyai hubungan harmoni sudah pasti ibu bapa dan mertua menjadi pelindung kepada mereka dan anak-anak. Fungsi keluarga dapat dikekalkan khususnya kepada memberi pelindungan, kasih sayang dan kewangan. Kemesraan dan kasih sayang diterima daripada ibu bapa dan mertua akan mewujudkan atmosfera yang paling bermakna untuk anak-anak banduan.

5.3.5 PENYESUAIAN TERHADAP KEPERLUAN SEKSUAL

Isteri terpaksa menghadapi dilema kendiri dengan cekal dan penuh rasa sabar. Isteri yang kehilangan tempat bermesra, bergurau senda dan mengadu hal sudah pasti merasa kekosongan jiwa yang teramat sangat (Dennis, Henriques & Slaughter 1956:228; Greeblat 1983). Ini semakin ketara kepada isteri yang mempunyai hubungan harmoni dengan suami berbanding dengan isteri yang selalu bergaduh dan didera oleh suami. Pada waktu ini anak-anak menjadi tempat isteri melepaskan rasa rindu dan bergurau senda.

Seorang isteri yang ditinggalkan suami sudah pasti akan mengalami tekanan batin yang mendalam. Aspek ini tidak dapat kita nafikan kerana nafsu merupakan fitrah dalam diri manusia. Terpulanglah kepada manusia untuk mengatur dan mengawalnya (Duvall 1977:30; Greenblat 1983; Justice & Justice 1976; Landis & Landis 1948). Dalam aspek ini, keluarga dan anak-anak tidak mampu menolong isteri meredakan kehendak batin isteri. Jadi terpulanglah kepada isteri mengendalikan perasaan dengan melakukan apa sahaja yang mereka fikirkan betul dan baik untuk meredakan perasaan tersebut.

Sesiapa yang tidak mampu mengawal naluri ini kemungkinan besar akan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan moral dan budaya. Ketiadaan suami menyebabkan isteri kehilangan pasangan untuk melakukan

hubungan seksual. Dalam kajian ini, isteri telah melakukan beberapa penyesuaian untuk menangani masalah tekanan batin. Cara tersebut ialah mencari teman lelaki atau temanita, berkawan dengan pondan, melakukan onani, melakukan amalan agama dan menyibukkan diri.

Berdasarkan kepada Jadual 5.3. dapatlah kita lihat bagaimana dasar perkahwinan mempengaruhi corak isteri melepaskan perasaan tekanan batin mereka ketika suami di penjara.

Jadual 5.3: Dasar Perkahwinan Dengan Mengurangkan Tekanan Batin

Tekanan Batin	Bersama Temanita	Bersama Pondan	Bersama Lelaki	Onani	Sembahyang	Sibuk Diri
<hr/>						
Cinta (N=75)	8.0%	4.0%	16.0%	25.3%	30.6%	16.0%
Pilihan Keluarga (N=21)	9.5	-	19.0	14.3	38.1	19.0

Isteri yang berkahwin atas dasar cinta dan pilihan keluarga lebih cenderung melakukan amalan agama bagi menghindarkan perasaan ingin melakukan hubungan seks dengan suami. Sementara itu, 19.0% daripada isteri yang mendirikan rumah tangga berdasarkan pilihan keluarga, mempunyai hubungan dengan teman lelaki.

Peratusan bagi isteri yang melakukan perbuatan onani adalah lebih tinggi di kalangan isteri yang berkahwin atas dasar cinta berbanding dengan dasar pilihan keluarga. Didapati juga, ada 3 orang isteri yang berkahwin atas dasar cinta mempunyai hubungan dengan pondan secara amnya, isteri daripada keluarga yang mempunyai hubungan renggang atau harmoni tidak dapat lari daripada memenuhi tuntutan nafsu mereka.

i. Keluarga Harmoni

Hubungan mesra yang wujud sepanjang suami berada di sisi isteri menjadikan isteri merasa tertekan. Ledakan perasaan tersebut mesti diluahkan atau dikawal dengan cara tersendiri. Dalam konteks keluarga harmoni, isteri yang berkahwin atas dasar pilihan keluarga tidak mempunyai hubungan homoseksual tetapi mempunyai hubungan dengan temanita atau teman lelaki. Ada juga antara mereka melakukan perbuatan onani, bersembahyang dan menyibukkan diri masing-masing.

Jadual 5.4: **Dasar Perkahwinan Keluarga Harmoni Dengan Mengurangkan Tekanan Batin**

Tekanan Batin	Bersama Temanita	Bersama Pondan	Bersama Lelaki	Onani	Sembahyang	Sibuk Diri
\						
Dasar Perkahwinan						
Cinta (N=27)	18.5	3.7%	29.6%	26.0%	11.1%	11.1%
Pilihan Keluarga (N=12)	8.3	-	8.3	25.0	33.3	25.0

Isteri yang berkahwin atas dasar cinta berkecendurungan mencari teman lelaki untuk menghilangkan rasa sunyi dan rindu kepada suami (Offir 1982). Namun begitu, hubungan mereka adalah terbatas, Ini bererti isteri hanya berkawan dengan teman lelaki mereka tanpa melakukan sebarang hubungan seksual. Masing-masing menyedari bahawa mereka masih mempunyai suami yang sah.

Secara amnya, terdapat 15.4% isteri keluarga harmoni mempunyai temanita untuk meredakan kehendak seksual mereka. Menurut isteri yang terlibat, keadaan ini lebih baik dan mententeramkan fikiran mereka. Seorang isteri berkawan dengan pondan (Harry 1988; Rice & Kelly 1988). Sejumlah 25.6% isteri memuaskan nafsu secara sendiri, iaitu melakukan onani. Perbuatan ini adalah satu kaedah yang akan dilakukan apabila perasaan ghairah terhadap suami terlalu menekan. Beramal ibadat dan menyibukkan diri dilakukan

33.4% isteri yang tidak mahu, tidak berani dan tiada ruang untuk mencari teman lelaki atau berkawan dengan pondan. Mereka menyedari tanggung jawab menjaga maruah dan diri mereka sebagai isteri.

ii. Keluarga Renggang

Ketiadaan suami merupakan satu keadaan yang membolehkan isteri untuk melakukan apa sahaja yang difikirkan baik khususnya dalam menghilangkan rasa rindu, bosan dan mencari teman berbual. Jadual 5.5 akan memperjelaskan bagaimana strategik yang dilakukan oleh isteri yang mempunyai hubungan renggang sepanjang perkahwinan mereka.

Jadual 5.5: Perkahwinan Keluarga Renggang Dengan Mengurangkan Tekanan Batin

Tekanan Bersama Batin	Bersama Temanita Pondan	Bersama Lelaki	Onani	Sembahyang	Sibuk Diri	Dasar Perkahwinan
Cinta (N=48)	2.1%	4.2%	8.3%	25.0%	41.7%	18.7%
Pilihan Keluarga (N=9)	11.1	-	33.3	-	44.4	11.1

Dalam konteks keluarga renggang, apabila suami dipenjarakan, 12.3% isteri mempunyai teman lelaki sebagai ganti sepanjang ketiadaan suami bagi mengisi kekosongan dan keresahan hati dan naluri diri serta melakukan hubungan seksual. Kehadiran teman lelaki tidak sama dengan suami yang sah dari segi pandangan umum. Jika ada teman lelaki sekali pun, batasan pergaulan masih dijaga. Ini bererti isteri hanya berkawan dengan teman lelakinya tanpa melakukan sebarang hubungan seksual. Namun begitu, terdapat lima daripada mereka mengaku mempunyai hubungan intim dan melakukan hubungan seksual dengan teman lelaki mereka (Levitt & Klassen 1973).

Malahan ada di antara isteri ini sudah bertekad untuk menuntut fasakh daripada suami dan akan berkahwin dengan orang yang mereka cintai.

"Saya berhubungan dengan lelaki lain kerana saya tidak tahan lagi menunggu suami saya yang akan keluar 1993. Dia masuk 1990 lagi. Saya masih muda. Banyak sangat benda di depan mata saya yang menyebabkan saya tak mampu mengawal nafsu saya. Lelaki yang saya temui ini melayan saya dengan baik, apa yang saya perlukan diberi. Dia layan saya lebih daripada isterinya. Mungkin you kata I jahat, tapi I tak sanggup nak tunggu lagi. Mertua saya pandang saya pun tak nak lagi. Anak saya pun dia curi daripada emak saya di Pahang. Saya dah pergi Pejabat Kadi uruskan perceraian saya dengan suami saya. Saya akan berkahwin dengan lelaki ini sekalipun dia suami orang. Yang penting saya bahagia, dia bahagia, orang lain nak kata saya tak perduli. Dosa I, I tanggunglah sendiri...betul tak?

(Kenyataan isteri responden NO.5067/91)

Selain daripada mencari teman lelaki, terdapat juga isteri yang mencari teman wanita untuk menemani mereka di tempat tidur. Bagi golongan inilah jalan yang paling baik dan selamat. Sejumlah 3.5% isteri melakukan hubungan lesbian ini untuk meredakan kehendak batin. Menurut mereka, temanita masing-masing adalah rakan sekerja. Isteri yang terlibat dengan hubungan ini adalah dua orang isteri yang bekerja kilang dan seorang isteri yang bekerja di hotel yang lebih cenderung berperwatakan lelaki. Menurut mereka, hubungan ini sebenarnya amat istimewa dan membuatkan perasaan rindu untuk bersama dengan suami dapat dilepaskan (Harry 1988; Rice & Kelly 1988).

Ada dua orang isteri yang berkawan dengan pondan (Mak Nyah). Mereka menjelaskan cara ini tidak akan mendatangkan sebarang mudarat kepada diri mereka kerana kumpulan ini tidak akan mengambil kesempatan terhadap mereka. Sebaliknya kumpulan Mak Nyah ini akan membantu mereka jika mereka berada dalam keadaan yang susah. Isteri lebih percaya dengan lelaki jenis ini sebab mereka lebih jujur dalam persahabatan.

Isteri juga meredakan tekanan batin dengan melakukan perbuatan onani atau 'masturbate'. Cara begini ini tidak melibatkan mana-mana pihak melainkan diri sendiri sahaja. Dalam konteks keluarga renggang, 21.1% orang isteri terlibat dalam perbuatan ini. Namun begitu, menurut isteri yang melakukan perbuatan ini, mereka akan berasa amat letih

pada keesokan harinya. Oleh itu, mereka akan hanya melakukan apabila tidak mampu lagi mengawal perasaan.

Bersembahyang dan berdoa supaya tuhan meredakan nafsu mereka untuk bersama dengan suami. Sejumlah 42.1% isteri melaksanakan amalan ini. Selain daripada berserah kepada tuhan, ada isteri yang bekerja siang dan malam untuk menyibukkan diri kerana dengan cara ini fikiran mereka tidak mampu lagi memikir tentang keperluan batin.

Melakukan urusan rumah tangga dan bekerja lebih masa mampu mengurang rasa rindu untuk bersama dengan suami. Bila diri berada dalam keadaan sibuk dan penat sudah pasti ketegangan nafsu dapat dikurangkan. 17.5% orang isteri telah memberitahu mereka sengaja menyibukkan diri mereka dengan melakukan pelbagai kerja hingga penat supaya dapat tidur dengan nyenyak walaupun tiada suami di sisi.

Dalam memperkatakan soal keperluan nafsu, isteri terpaksa memastikan diri mereka terkawal. Jika isteri tidak berdaya menahan kehendak batin, mereka akan terjerumus dengan satu hubungan yang akan membawa mereka kepada masalah yang baru. Keadaan sebegini akan memburukkan keadaan yang sedia ada malahan akan menganggu seluruh keluarga yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

5.3.6 PENYESUAIAN ISTERI TERHADAP MASALAH PERKAHWINAN

Melawat suami di penjara dan berutus surat adalah dua cara yang dilakukan oleh isteri untuk menunjukkan mereka masing menyayangi dan menghormati suami mereka di penjara (Calson & Cervera 1991; Morris 1965). Apabila suami dipenjarakan sejumlah 77.1% isteri merasa sedih, 40.6% mempunyai perasaan benci, 62.5% isteri meluahkan rasa kesal terhadap suami dan sebahagian besar iaitu 86.4% amat kecewa dengan apa yang terjadi kepada suami. Ini amat ketara kepada isteri yang pertama kali menghadapi keadaan sebegini. Tambahan pula mereka belum pandai menyesuaikan diri dengan keadaan yang dialaminya.

Bercakap tentang perkahwinan, ada isteri yang merasakan hubungan mereka dengan suami semakin renggang. Ada juga yang mengatakan hubungan mereka semakin baik. Ini bukanlah satu perkara yang mustahil kerana perpisahan seperti ini sudah pasti meninggalkan perasaan benci dan marah isteri kepada suami.

Sepanjang peninggalan suami, yang kini bergelar banduan, sudah pasti isteri akan merasakan dirinya dalam keadaan tertekan dan memalukan. Pelbagai kata nista dilemparkan kepada isteri apabila suami di dalam penjara. Pihak mertua khususnya sering melemparkan kata-kata seperti 'perempuan sial dan perempuan sundal ' telah menyebabkan

isteri mengalami tekanan emosi yang hebat (Brodsky 1975; Freeman & Lyon 1981; we Dijisterhuis 1971).

i. Keluarga Harmoni

Jika dahulu dikenali sebagai keluarga yang bahagia dan baik, kini status itu telah berubah. Semua orang akan menceritakan tentang keburukan suami yang mungkin akan ditokok tambah oleh masyarakat sekitar. Perubahan status ini bukan satu perkara yang mudah untuk diterima oleh keluarga yang dahulunya dikenali dan dihormati.

Persoalannya, mampukah keluarga ini bertahan dengan gelaran yang diberi? Adakah gelaran itu akan menjaskankan reputasi isteri banduan tersebut? Semua ini akan terjawab dengan kecekalan dan kemampuan isteri mempertahan keadaan dan nama baik diri serta keluarganya (Fishman 1990; Morris 1965; Parisi 1982). Dalam keadaan begini, 69.2% isteri berserah kepada takdir dan bersabar dengan apa yang diberikan oleh Tuhan kepadanya serta menjaga tingkah lakunya supaya sentiasa dipandang mulia oleh orang lain. Selain itu, mereka juga memekakkan telinga dan meneruskan hidup dalam keadaan seperti biasa.

Dalam menjaga hubungan dalam perkahwinan mereka, ada isteri yang mengirim berita kepada suami dan melawat suami di penjara (Homer 1976). Sebanyak 71.8% isteri

berutus surat dengan suami masing-masing. Sementara, 28.2% tidak pernah menulis surat kepada suami walaupun suami mereka mengirim surat.

Sejumlah 51.3% isteri melawat suami mereka mengikut peraturan yang ditentukan oleh pihak penjara. Menurut isteri banduan 9707/91, semasa dia melawat suaminya, dia hanya membeli makanan yang dijual di kantin penjara. Barang keperluan suaminya disuruh beli sendiri kerana suaminya menyertai projek kerjasama penjara dengan kilang yang membolehkan suaminya mempunyai pendapatan sendiri.

Namun begitu, 48.7% isteri tidak melawat suami mereka kerana merasa benci dan ingin menyedarkan suami tentang kesilapan yang telah dilakukan. Menurut dua orang isteri,

"I malas nak melawat my husband. He's bad. Dia....tidak ada hati dan perut....Biarlah dia di situ...."

(Kenyataan isteri responden NO 1887/92)

"Bukan saya tak teringin nak melawat, tapi saya nak ajar. Saya dah pesan...dah berbuih mulut saya berpesan jangan mencuri dan hisap dadah...degil...saya tak akan melawat dia hingga dia bebas...."

(Kenyataan isteri responden NO 404/91)

Semasa melawat suami ada isteri yang membawa anak-anak bersama mereka. Ini bertujuan mengekalkan

hubungan baik antara anak dan bapa (Hof & Miller 1983). Terdapat seorang isteri yang tidak melawat suaminya sebalik menyuruh anak-anaknya pergi bersama mertua untuk melawat bapa di penjara. Pada pandangan isteri, dia tidak mahu memikir, membayangkan dan melihat suaminya dalam tahanan. Malahan dia juga tidak membenarkan anak-anaknya menceritakan keadaan bapa mereka di penjara apabila bersamanya.

ii. Keluarga Renggang

Dalam konteks keluarga ini, sejumlah 56.1% isteri masih berusaha mempertahankan perkahwinan mereka. Lawatan ke penjara yang dilakukan bersama anak-anak atau dengan ibu bapa atau mertua merupakan bukti kepada suami bahawa isteri masih mengingati bahawa mereka masih ada ikatan dalam perkahwinan. Ada isteri yang melawat suami tiap-tiap bulan, dua hingga enam bulan sekali dan hanya di musim perayaan sahaja. Isteri yang berkemampuan akan melawat suami berdasarkan kepada tempoh yang ditetapkan, tetapi yang tidak mampu hanya akan melawat semasa hari perayaan sahaja. Bagi mereka, melawat suami adalah sesuatu yang memerlukan perbelanjaan yang banyak.

Sementara itu, ada isteri yang tidak melawat suami kerana tidak mampu, tempat tinggal jauh dari penjara, suami tidak membenarkan isteri melawatnya, ibu bapa serta

mertua tidak dibenarkan melawat suami dan enggan melawat suami kerana marah dan benci.

Selain itu, isteri juga mengutus surat kepada suami. Dalam aspek ini, hanya 17.5% isteri mengirim berita kepada suami masing-masing. Sementara 82.4%, enggan menulis surat kepada suami.

Apabila peristiwa yang dialami ini amat mencengkam diri dan perasaan isteri akan mencari jalan keluar daripada masalah ini dengan meminta cerai daripada suami yang berada di penjara (Spanier & Thompson 1987). Ini adalah satu cara yang dipilih oleh isteri kerana dugaan yang Tuhan berikan kepadanya amat berat dan tidak tertanggung olehnya. Bila tiba keadaan ini, isteri lebih rela digelar janda daripada dipanggil isteri banduan.

Daripada kajian didapati sepuluh orang isteri; tiga Melayu, lima India dan dua Cina yang sedang menunggu perbicaraan di mahkamah untuk memutuskan hubungan mereka sebagai suami isteri. Tekanan yang mereka alami sebagai isteri banduan itu begitu mencabar kewibawaan diri dan keluarga mereka. Tekanan dalaman dan luaran telah mendorong mutuskan isteri membuat keputusan yang difikirkan terbaik untuk diri dan keluarga.

"Kata isteri banduan NO.9838/91, berkahwin dengan si jahat itu bukan saja buat saya punya hidup susah. Dia banyak sial. Dia punya amah banyak jahat macam dia juga. Anak kita dia jual mahu dapat duit. Saya duduk sini, jiranpun benci, bukan jiran Melayu, tapi jiran Hindu. Saya pergi Tokong pun malam juga, kalu siang semua orang pandang. Saya minta tolong ini kawan untuk cerai sama dia. Cerai lagi baiklah..dia hah...biawak hidup lu tau kah..."

Sementara itu isteri, yang suami mereka dijatuhkan hukuman penjara dari 5 hingga 18 tahun, menjelaskan jika mereka tidak sanggup menunggu pembebasan suami, mereka akan menuntut fasakh daripada suami kerana ini adalah jalan penyelesaian yang terbaik.

Penyesuaian yang dilakukan oleh isteri dalam mempertahankan perkahwinan mempunyai perkaitan dengan semua tindak tanduk mereka dalam menguruskan keluarga. Jikalau keluarga masih dijaga dan diurus dengan baik sudah pasti mereka masih menginginkan perkahwinan mereka berkekalan. Tindakan menuntut cerai hanya akan berlaku apabila isteri merasakan tiada erti jika mereka terus kekal dengan suami yang masih tidak serik dengan hukuman yang dikenakan ke atas diri masing-masing.

5.3.7 PENYESUAIAN SUAMI DALAM PERKAHWINAN

Dalam membincangkan soal perkahwinan keluarga banduan, wajar jika kita melihat juga cara banduan menangani masalah bagi mengukuhkan rumah tangga mereka.

Banduan merasakan gembira jikalau mendapat tahu isteri berjaya menjaga dan menguruskan rumah tangga mereka dengan baik sepanjang ketiadaannya (Clemens 1957; Mc Corkle 1993). Perkara ini diakui oleh semua banduan yang ditemu bual.

Banduan juga mempunyai pandangan tersendiri terhadap isterinya. Ada yang mengatakan isterinya sangat baik (46.5%), baik (11.9%), penyabar (17.8%), tidak baik (13.9%) dan sangat jahat (9.9%).

"Isteri Pak Cik sangat baik, budi bahasanya tinggi. Yang cacatnya Pak Cik. Pak Cik tak tahu bila Pak Cik akan berubah. Isteri tak pernah merungut dengan kerenah Pak Cik yang menagih sejak umur 20an. Dia sabar, tidak terlintas di hatinya untuk minta cerai dari Pak Cik".

(Kenyataan Responden NO. 4647/91)

"Untuk isteri I, you boleh bagi gred A. Dia begitu sabar dengan segala peristiwa yang dialami bersama. Dia pandai menjaga diri dan mencari wang untuk menyekolahkan anak-anak kami. I akan melepas isteri I jika dia tak dia tidak sanggup menunggu saya hingga tahun 2002. I mesti berkorban untuk isteri I. I rasa I sudah cukup memalu dan membebankannya sejak kejadian tersebut"

(Kenyataan Responden NO. 4378/88)

Menurut banduan faktor kesabaran, kesetiaan dan ketakwaan isteri menyebabkan rumah tangga mereka berada dalam keadaan stabil dan aman. Sepanjang peninggalan mereka, isterilah orang bertanggungjawab menjaga keadaan rumah tangga khususnya mencari pendapatan dan menjaga anak-anak mereka (Caven & Zemans 1964; Marsden 1969). Pada

hakikatnya, 104 orang banduan yang ditemubual ini amat curiga dan bimbang dengan kejujuran isteri yang ditinggalkan. Mereka takut isteri mereka bermain kayu tiga sepanjang mereka di penjara.

"Saya sembahyang tahajjud dan istikharah memohon pertunjuk daripada Allah Taala apabila seorang kawan memberitahu saya bahawa isteri saya bermain kayu tiga. Sesungguhnya saya amat bimbang jika berita itu benar. Tetapi setelah Allah berikan pertunjuk kepada saya, saya tenang..."

(Kenyataan responden 3407/91)

Isteri yang sabar dan menunggu suami pulang adalah satu kebahagiaan yang amat sangat kepada diri banduan. Banduan merasakan mereka bersalah kerana tidak dapat menyelenggarakan tanggungjawab mereka sama ada dari segi batin mahupun zahir. Seramai 64.4 % daripada 104 orang banduan mengatakan isteri mereka masih setia dengan mereka.

Banduan berani menyatakan isterinya masih setia berdasarkan kepada kekerapan isteri datang melawat mereka, isteri mengirim berita dan mendapat kesahihan berita bahawa isteri masih jujur daripada ibu bapa dan mertua. Pada hakikatnya, banduan yang disisih oleh keluarga sendiri amat bimbang jika isterinya curang atau meninggalkannya. Apabila dia dibebaskan nanti, siapakah yang akan menyambutnya? Siapakah yang akan membantu dia menyesuaikan diri dengan masyarakat dan dengan siapa dia akan mengadu nasibnya?

Memang menjadi harapan banduan agar isteri menjadi orang yang terpenting dalam hidupnya setelah sekian lama berkongsi hidup (Bowker 1982).

Kebimbangan banduan amat jelas apabila mereka menyedari diri mereka tidak sama seperti orang yang bebas di luar. Mereka juga menyedari nama mereka sudah tercemar. Mereka takut isteri melarikan diri dan menuntut fasakh daripada mereka. Banduan akan menjadi murung dan sedih apabila isteri datang menuntut cerai. Di sini pegawai kebijakan dan pegawai kaunseling akan membantu kedua-dua pihak untuk mencari jalan penyelesaian.

Seramai 2.8% orang daripada 104 banduan yang ditemui bual sebenarnya sedang menunggu masa untuk melafazkan talak kepada isterinya. Kes yang pertama ialah isteri yang melakukan hubungan sulit dengan seorang lelaki semasa beliau tiada di rumah. Kejadian berlaku sebelum beliau dijatuhkan hukuman 6 tahun penjara di bawah Seksyen 326 Kanun Kesiksaan iaitu dengan sengaja menyebabkan cedera parah dengan jalan menggunakan senjata atau benda-benda lain yang berbahaya. Sehubungan dengan peristiwa itu, siisteri telah datang menuntut cerai daripadanya.

Kes kedua ialah banduan terpaksa berfikir untuk melepaskan isteri dengan talak satu setelah isterinya berzina dengan seorang lelaki hingga mengandung. Menurut beliau, isterinya mengatakan dia tidak mengandung

disebabkan oleh manusia tetapi kerana hantu. Beliau tidak dapat menerima kenyataan tersebut. Kata beliau, dia perlu menceraiakan isterinya, jika tidak dia dayus.

Kes ketiga pula isteri menunjukkan perangai yang dingin terhadap suami sejak malam pertama. Isteri memberi alasan dia tidak sihat dan alasan-alasan lain untuk mengelakkan tidur bersama responden. Rupa-rupanya isterinya mempunyai kekasih yang lebih kacak dan berada. Keadaan ini menyebabkan jiwa beliau tertekan dan menghisap dadah bagi menghilangkan kerungsingannya. Akhirnya dia ditangkap dalam satu serbuan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur dan setelah 3 bulan di penjara, isterinya datang menuntut cerai. Beliau menjatuhkan talak satu kepada isterinya.

Secara amnya responden merasa rumahtangga mereka tidak stabil lagi apabila :

- i. isteri meminta cerai dari responden
- ii. isteri mengadakan hubungan dengan orang lain
- iii. isteri memang tidak sayang responden sejak dari dulu lagi
- iv. isteri tidak hormati suami lagi
- v. ibu bapa beritahu isteri jahat

Seramai 57.7% orang dari 104 orang banduan merasakan hubungan mereka dengan keluarga semakin renggang setelah mereka dipenjarakan. Perkara ini memang tidak dapat

dinafikan kerana keadaan isteri di luar adalah lebih tertekan akibat perbuatan suami. Bebanan tugas dan jiwa mengakibatkan isteri merasa sedih, kecewa dan malu dan secara langsung mengakibatkan hubungan isteri dan suami tegang.

Suami seperti yang dinyatakan tadi amat bimbang kehilangan isteri dan 82.7% banduan menulis surat kepada isteri dan anak-anak supaya terjalin hubungan dengan isteri dan anak-anak. Banduan menyatakan sama ada surat itu dibalas atau sebaliknya bukanlah perkara penting. Walau bagaimanapun, banduan amat berharap suratnya dibalas oleh isteri dan anak-anaknya. Sejumlah 47.8% banduan mendapat balasan dan 52.2% tidak mendapat sebarang balasan.

Banduan boleh menulis surat kepada sesiapa sahaja dengan menggunakan borang surat yang disediakan oleh pihak penjara. Dalam hal ini, siapakah yang hendak disalahkan apabila surat responden tidak dibalas oleh keluarga mereka.

Keluarga banduan dipandang sebagai orang yang membawa malapetaka kepada keluarga, mencemar nama baik dan keturunan mereka. Rasa hormat terhadap keluarga ini sudah pudar. Malahan, terdapat seorang isteri dan anak gadisnya cuba dicabul kehormatan mereka oleh jirannya. Jiran memandang keluarga banduan sebagai sampah masyarakat. Ini secara langsung mengakibatkan isteri dan anak-anak akan menyisih diri daripada masyarakat sekitar. Mereka bukan

takut tetapi malu untuk bercampur gaul dengan orang lain. Perasaan rendah diri ini akan menjadi satu aspek yang dominan dalam hidup keluarga banduan.

5.4 SISTEM SOKONGAN TERHADAP KELUARGA BANDUAN

Kehidupan yang dialami oleh keluarga banduan sebenarnya adalah satu suasana yang penuh dengan ketegangan fizikal dan emosi. Urusan harian (*daily hassles*) sudah pasti memerlukan sokongan yang kuat daripada dalam dan luar lingkungan keluarga supaya segala tekanan akan berkurangan. Bantuan moral dan fizikal sudah pasti dapat meringankan beban keluarga banduan.

Peranan keluarga ini sebenarnya dapat membantu semua pihak untuk membina keyakinan diri dalam meneruskan penghidupan mereka. Ketika ini keluarga sepatutnya menjadi penyokong moral yang kuat kepada banduan dan untuk menghadapi kehidupan di penjara dan juga apabila dibebaskan (Fishman & Alissi 1976; Weintraub & Schwarts, 1974).

Tetapi tidak harus dilupakan bahawa keluarga banduan amat memerlukan sokongan moral khususnya daripada pihak yang berada dalam lingkungan diri mereka. Keluarga yang terdekat seperti ibu bapa, mertua, ipar duai, saudara mara dan jiran adalah kumpulan yang menjadi agen membantu dan tempat isteri banduan meminta pertolongan (Boot 1957).

Dalam konteks kajian ini, keluarga banduan didapati 55.2% daripada mereka memperolehi sokongan yang positif daripada keluarga masing-masing. Sementara 44.8% tidak mendapat sokongan moral daripada anggota keluarga terdekat. Kehidupan serak berai yang dialami oleh keluarga banduan sebenarnya amat memerlukan petunjuk ke arah meneruskan kehidupan dengan cekal.

Corak bantuan moral dan kewangan yang diterima oleh keluarga banduan merupakan satu rangsangan kepada para isteri untuk mengekalkan kestabilan dalam rumah tangga mereka (Folkman & Clatworthy 1970). Keadaan ini juga membantu isteri menerima kepulangan suami apabila dibebaskan kelak. Isteri juga menggunakan kesempatan bergantung dengan ibu bapa, mertua, ipar duai, kakak dan abang sebagai pelindung kepada anak-anak mereka.

Bantuan moral seperti memberi nasihat, mengambil berat tentang keluarga banduan dan memberi perlindungan yang sewajar adalah antara bentuk sokongan dalaman yang diberikan oleh pihak yang bersimpati dengan keluarga banduan. Sementara bantuan fizikal adalah menyumbangkan bantuan kewangan, mendirikan rumah untuk keluarga banduan, dan menyara anak-anak banduan bersekolah.

Peranan mertua dan ibu bapa adalah antara dua ejen yang utama untuk menjadi penyokong yang terbaik ataupun sebaliknya. Kita sedia maklum isteri yang mempunyai

hubungan baik dengan ibu bapa dan mertua sudah pasti mendapat bantuan yang terbaik untuk mengendalikan kehidupan mereka (Belle 1982; Morris 1965; Burstein 1977; Morris 1965). Ibu bapa dan mertua yang dapat dan cuba memahami keadaan yang dialami oleh anak/menantu dan cucu mereka dengan rela hati membantu golongan ini. Simpati dan perasaan bertanggung jawab membuatkan mereka tidak malu menerima anak/menantu dan cucu yang ditinggalkan oleh suami yang kini berada di penjara.

Ibu bapa/mertua bertanggungjawab untuk menyara cucu mereka bersekolah dan mencurahkan kasih sayang yang sama rata kepada cucu mereka. Sudah menjadi adat dunia, terdapat datuk dan nenek akan mengasihi cucu mereka melebihi daripada anak sendiri sekali pun bapa kepada cucu mereka ini dikategorikan sebagai penjenayah.

Namun begitu, didapati 44.8% isteri yang tidak menerima sokongan moral daripada ibu bapa, mertua, ipar duai beralih kepada jiran tetangga dan kawan sekerja. Berdasarkan kepada cara beralih kepada pihak yang bersimpati, para isteri berusaha menjaga keutuhan rumah tangga masing-masing setakat yang mereka berupaya.

Selain itu, terdapat tiga orang isteri yang memohon bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bantuan yang mereka terima adalah sumbangan kewangan sebanyak RM50 sebulan. Wang sebanyak ini sebenarnya tidak

mencukupi tetapi amat bererti kepada keluarga banduan yang hidup serba kekurangan. Seorang daripada isteri ini menerima bantuan kewangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui permintaan suaminya yang berada di penjara. Usaha ini dilakukan kerana suami menyedari bahawa isterinya tidak mampu menyara anak-anak yang masih kecil.

Pada dasarnya, kedudukan sebagai keluarga harmoni atau renggang merupakan persoalan utama menerima bantuan dan sokongan daripada agen pembantu. Sokongan sosial dan fizikal ini menjadi satu faktor yang menunjukkan rasa simpati dan kasih kepada pihak yang membantu kepada keluarga banduan. Perasaan simpati secara langsung melahirkan rasa tanggungjawab masing-masing kepada anak dan isteri banduan. Kewujudan budaya ikram di kalangan anggota keluarga dan jiran amat bermakna kepada pihak yang memerlukan bantuan. Malahan adalah membanggakan jika terdapat badan-badan sukarela tempatan yang tampil ke hadapan membantu keluarga banduan dalam menghadapi krisis semasa ketiadaan suami.

5.5 KESIMPULAN

Secara amnya dapatlah kita lihat bagaimana isteri merasakan kedudukan diri dan keluarga mereka terjejas akibat perbuatan suami. Isteri berada dalam keadaan dilema dalam membuat sesuatu yang mereka fikirkan baik untuk diri tambahan pula mereka tidak mendapat sokongan moral daripada mana-mana pihak. Keadaan akan berada dalam situasi yang terkawal jika pihak keluarga dan mertua menunjukkan gerakbalas yang baik.

Menyesuaikan diri dalam keadaan yang berdilema ini memerlukan satu kegigihan dalaman dan kecekalan hati. Jika sikap isteri teragak-agak dan tidak tahu menggunakan masa dan kesempatan yang ada mereka akan berada dalam keadaan sesak, baik dari segi wang ringgit mahupun dari segi jiwa. Dalam kajian ini, ada isteri yang menunggu sahaja nasib dan rezeki berubah tanpa mengambil insiatif mengguna kudrat yang ada dalam diri untuk mengubah nasib mereka.

Ada isteri yang menunggu kepulangan suami kerana mereka yakin suami mereka akan berubah dan sudah menyedari kesilapan yang mereka lakukan. Isteri juga bercita-cita membina hidup baru dengan suami dan anak-anak mereka. Bagi isteri yang menganggap suami mereka sangat baik, rajin dan mempunyai sikap terpuji sudah tentu menanti kepulangan suami. Bagi isteri yang menganggap suami mereka jahat dan

degil kepulangan itu bukan satu rahmat, malah mereka lebih suka suami berada di penjara supaya sikap buruk dalam diri suami mereka tidak menganggu ketenteraman keluarga, jiran dan masyarakat. Mereka ini kesal dengan perkahwinan yang mereka lakukan kerana segala harapan mereka telah hancur.